



**NUR DHUHA ESOUF**  
nurdhuha@sph.com.sg



**IRMA KAMARUDIN**  
irmak@sph.com.sg

Mahkamah Syariah, yang akan menyambut ulang tahunnya yang ke-65 November ini, telah mempertingkatkan beberapa prosesnya dalam beberapa tahun kebelakangan. Antaranya, ia telah mempermudah proses pendaftaran perceraian bagi pasangan yang mahu merujuk kembali, dan memperkenalkan proses dipertingkat bagi mewawancara anak-anak yang penjagaannya dipertikaikan sedang ibu bapa mereka menjalani proses perceraian. Berita Minggu melaporkan.

# Lebih baik lafaz talak di mahkamah, elak keraguan



**PROSES DIBEZAKAN:** Presiden Kanan Mahkamah Syariah, Cik Guy Ghazali (kiri), dan Presiden Mahkamah Syariah, Ustaz Muhd Fazalee Jaafar, berkongsi tentang proses Niat Untuk Rujuk (ITR) yang dibezakan yang membolehkan pasangan yang ingin merujuk kembali mendaftar perceraian mereka lebih awal daripada proses perceraian biasa. – Foto BM oleh NUR DIYANA TAHA

## TALAK SUDAH DILAFAZ SUAMI DI LUAR MAHKAMAH DAN SUAMI ISTERI INGIN BERBAIK SEMULA

“Proses ITR disediakan untuk satu kategori perceraian yang mana talak sudah pun dilafazkan oleh suami di luar mahkamah tetapi belum ada permohonan perceraian difailkan di mahkamah, dan suami isteri ingin berbaik semula sebelum tamatnya tempoh idah. Tidak semua kes talak yang dilafazkan di luar mahkamah berakhir dengan rujuk. Malah kes sedemikian adalah minoriti.”

– Cik Guy Ghazali, Presiden Kanan Mahkamah Syariah.

## DULU ADA PROSES PENGESAHAN TALAK

“Dahulu, sekitar awal 2000, kami ada proses yang dipanggil pengesahan talak. Apabila talak dilafazkan di luar mahkamah, pasangan datang ke mahkamah dan mereka menerangkan apa yang berlaku kepada pegawai mahkamah. Mereka diberi kaunseling oleh kaunselor MCP yang ketika itu merupakan kakitangan mahkamah dan diberi petanda talak mereka sah atau tidak sah. Tapi kes itu belum masuk ke mahkamah lagi. Mereka tidak sedar sebenarnya terdapat proses tertentu yang perlu mereka ikuti di mahkamah. Mereka tidak boleh sekadar datang ke mahkamah untuk mendapatkan jawapan.”

– Ustaz Muhd Fazalee Jaafar, Presiden Mahkamah Syariah.

Seorang suami yang telah melafazkan talak di luar mahkamah tetapi kemudian menyesal dan memutuskan mahu terus melayari bahtera rumah tangga bersama isteri bertutur dengan masa untuk merujuk kembali sebelum tamat tempoh idah.

Bagi memudahkan pasangan sedemikian berdamai, Mahkamah Syariah telah menyediakan proses yang dibezakan, yang membolehkan mereka mendaftar perceraian lebih awal daripada proses perceraian biasa.

Proses Niat Untuk Rujuk (ITR) yang dibezakan itu telah dilaksanakan sejak November 2022 berikutan semakan yang dijalankan ke atas proses sebelumnya, kata Presiden Kanan Mahkamah Syariah, Cik Guy Ghazali.

### PROSES YANG DIBEZAKAN

Pasangan yang mahu merujuk kembali perlu datang ke Mahkamah Syariah dan menyatakan hasrat mereka itu. Mereka akan diberikan borang ITR untuk diisi. Borang itu antara lain menghendaki pasangan memberi maklumat seperti talak yang dilafazkan serta tarikh dan masa ia dinyatakan.

Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam borang itu, jika pada akhirnya terdapat lafaz talak yang jelas, dan tempoh idah belum berakhir, pasangan akan disalurkan kepada proses yang dibezakan supaya ia dapat diselesaikan dengan segera.

Proses yang dibezakan itu tidak menghendaki pasangan menjalani Program Kaunseling Perkahwinan (MCP) yang diwajibkan bagi pasangan di ambang perceraian apabila mereka membuat aduan di mahkamah.

Pasangan boleh terus memfailkan Saman Pemula serta dokumen yang diperlukan untuk memulakan proses di mahkamah.

Akhirnya, Presiden Mahkamah Syariah akan menentukan sama ada talak itu sah atau tidak sah.

Jika mahkamah memutuskan bahawa talak itu sah dan mendaftar perceraian tersebut, pasangan perlu ke Pejabat Pendaftaran Pernikahan Orang Islam (ROMM) untuk merujuk kembali sekiranya masih berada dalam tempoh idah.

Sekiranya tempoh idah sudah tamat pada masa perceraian didaftarkan, walaupun tempoh idah belum tamat apabila pasangan memulakan proses ITR, pasangan itu perlu ke ROMM untuk bernikah semula.

Jika tempoh idah telah berakhir semasa pasangan hadir di Mahkamah Syariah untuk menyatakan hasrat ingin merujuk kembali, atau suami telah melafazkan talak ketiga atau talak tiga, proses yang dibezakan itu tidak boleh digunakan.

Presiden Mahkamah Syariah, Ustaz Muhd Fazalee Jaafar, berkata proses yang dibezakan itu membolehkan pasangan menyelesaikan proses merujuk kembali dalam masa dua hingga tiga minggu, bergantung kepada kes.

Masa yang diambil untuk menyelesaikan proses itu juga bergantung kepada sama ada semua dokumen yang diperlukan telah diserahkan, dan sama ada maklumat yang diberikan mencukupi.

Disebabkan ini, walaupun pasangan mengisi borang ITR sebelum tempoh idah tamat, adakalanya perceraian hanya boleh didaftarkan setelah tempoh idah berakhir dan pasangan masih perlu bernikah semula walaupun menjalani proses yang dibezakan.

### PROSES DIPERTINGKAT

Menurut Cik Guy, proses ITR yang disemak itu lebih jelas, pasti dan selaras dalam mentadbirkan kes rujuk mengikut perundangan.

Maklumat yang diperlukan mahkamah lebih jelas dan ini memastikan bahawa semua fakta relevan diberikan pada permulaan proses. Ini membantu menjimat masa kerana mahkamah tidak perlu mendapatkan penjelasan atau maklumat lanjut daripada pasangan semasa perbicaraan.

## Program kaunseling bantu pasangan lebih faham kesan perceraian, hurai perselisihan sebelum kes dibuka

Pasangan yang mahu bercerai, tetapi menunggu untuk talak dilafazkan di Mahkamah Syariah, akan dirujuk kepada Program Kaunseling Perkahwinan (MCP) bagi membincangkan masalah rumah tangga mereka dan meneroka peluang menyelamatkan perkahwinan.

Sebaliknya, pasangan yang mahu bercerai, dan telah melafazkan talak di luar mahkamah, diwajibkan menjalani MCP tetapi untuk membincangkan penjaan dan penancangan hidup anak-anak.

Justeru, kejayaan MCP mencapai matlamatnya sebagai butang jeda atau ‘pause button’ untuk pasangan suami isteri yang sedang mempertimbangkan perceraian berkait dengan sama ada talak dilafazkan di dalam atau luar mahkamah.

“Kami ingin menasihati agar pasangan yang mahu bercerai datang ke mahkamah sebelum melafazkan talak, kerana struktur mahkamah menyediakan banyak perlindungan berbeza dalam proses perceraian, untuk memastikan pihak terbit tahu apa yang mereka benar-benar mahu, iaitu perceraian, atau sama ada masih ingin mempertahankan

perkahwinan mereka,” kata Presiden Kanan Mahkamah Syariah, Cik Guy Ghazali.

“Struktur itu bermula dengan proses MCP. Ia berlaku sebelum sebarang dokumen mahkamah difailkan dan sebelum kes itu dibuka di mahkamah. Tujuan MCP ialah untuk melihat sama ada pihak terbit boleh berdamai dan tidak jadi bercerai. Jika mereka mahu meneruskan dengan perceraian, perbincangan yang akan diadakan dalam MCP bertukar menjadi mengenai urusan perumahan dan anak-anak supaya mereka tahu tentang akibat perceraian,” tambahnya.

MCP dilancarkan pada 2004. Dalam tempoh 10 tahun pertama sejak ia dilancarkan, lebih 27,000 rujuk telah dibuat dan 44 peratus daripada pasangan dalam program itu mengambil keputusan tidak menuskan perceraian.

Bagi pasangan yang ingin menuskan perceraian, mereka perlu memfailkan Saman Pemula.

Kemudian mereka perlu menjalani proses pengantaran mahkamah yang memberi peluang kepada pihak terbit

menyelesaikan tentang isu perceraian dan perkara sampingan seperti isu anak-anak secara berbaik-baik.

Sekiranya ada persetujuan yang merangkumi semua isu, kes mahkamah akan berakhir di situ dan mahkamah akan mengeluarkan perintah berdasarkan persetujuan kedua-dua pihak.

“Jika ini dapat dilakukan, kedua-dua pihak tidak perlu memfailkan affidavit terhadap satu sama lain, yang hanya akan meningkatkan tahap konflik antara mereka,” kata Cik Guy.

Sekiranya kes itu berlarutan ke perbicaraan dan isu perceraian itu dipertikaikan kedua-dua pihak, mahkamah boleh mengarahkan, atau kedua-dua pihak boleh bersetuju kepada, pelantikan hakim daripada Panel Hakim Mahkamah Syariah untuk menguraikan perselisihan yang dihadapi.

Hakam akan berusaha membawa kepada perdamaiannya atau menyelesaikan isu perceraian secara baik jika perdamaiannya tidak dapat dicapai.

“Ini supaya walaupun perceraian adalah cara untuk menyelesaikan konflik

perkahwinan antara kedua-dua pihak, hubungan keluarga terus dapat dikekalkan, yang akan mengurangkan kesan perceraian ke atas anak-anak,” kata Cik Guy.

Panel Hakim Mahkamah Syariah terdiri daripada asatuz yang diiktiraf di bawah Skim Pengiktirafan Aktif (ARS) Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) dengan latar belakang undang-undang Islam atau pengalaman dalam membantu keluarga Islam.

Para hakim juga menerima latihan di bawah rangka kerja latihan dan penilaian FLK.M.A.H (Hakam’s Ideals: Knowledge, Methodology, Application, Heart) atau ‘Aspirasi Hakam: Ilmu, Metodologi, Aplikasi, Jiwa’ yang diperkenalkan oleh Mahkamah Syariah dan dilancarkan pada Mac.

Rangka kerja itu bertujuan melengkapi hakam dengan ilmu dan kemahiran dalam aspek seperti undang-undang dan sains sosial untuk meningkatkan kebolehan mereka dalam memudahkan perdamaiannya dan perceraian secara baik antara pihak terbit.

ran.

Proses itu juga memastikan tidak ada kekeliruan tentang apa yang disampaikan kepada mahkamah kerana segala maklumat yang diberikan kepada mahkamah adalah dalam bentuk dokumen yang difailkan secara rasmi.

Proses ITR yang dipertingkat itu juga menetapkan bahawa hanya Presiden Mahkamah Syariah boleh membuat penilaian sama ada terdapat lafaz talak yang nyata, sama ada tempoh idah telah berakhir berdasarkan maklumat yang diberikan pasangan dan sama ada kes itu perlu menjalani MCP atau tidak.

Proses itu juga menetapkan bahawa hanya Presiden Mahkamah Syariah boleh membuat penentuan tentang lafaz talak yang dibuat di luar mahkamah dan memutuskan sama ada talak yang telah dilafazkan itu adalah sah ataupun tidak.

“Ini akan memastikan kepastian dan penyelesaian kerana Presiden Mahkamah Syariah mempunyai kepastian dan diberi kuasa undang-undang untuk membuat penentuan sedemikian,” kata Ustaz Fazalee.

### PROSES DAHULU

Ustaz Muhd Fazalee, yang telah berkhidmat di Mahkamah Syariah selama tujuh tahun, berkongsi bahawa sebelum proses ITR dirasmikan sekitar 2019, suami yang telah melafazkan talak di luar mahkamah akan datang ke mahkamah untuk “bertanya tentang hukum” dan status perkahwinan mereka.

“Dahulu, sekitar awal 2000, kami ada proses yang dipanggil pengesahan talak. Apabila talak dilafazkan di luar mahkamah, pasangan datang ke mahkamah dan mereka

menerangkan apa yang berlaku kepada pegawai mahkamah. Mereka diberi kaunseling oleh kaunselor MCP yang ketika itu merupakan kakitangan mahkamah dan diberi petanda talak mereka sah atau tidak sah. Tapi kes itu belum masuk ke mahkamah lagi. Mereka tidak sedar sebenarnya terdapat proses tertentu yang perlu mereka ikuti di mahkamah. Mereka tidak boleh sekadar datang ke mahkamah untuk mendapatkan jawapan,” katanya.

Cik Guy menambah: “Masalah dengan sistem tersebut ialah, setelah mendapat jawapan sama ada talak mereka sah atau tidak, pasangan tidak memfailkan apa-apa permohonan untuk mendaftar perceraian mereka walaupun petanda yang diberikan adalah talak itu sah.”

Beliau menekankan bahawa di bawah Akta Pendaftaran Undang-Undang Islam (Amla), perceraian dan rujuk wajib didaftarkan.

Pasangan yang suami telah melafazkan cerai di luar mahkamah perlu hadir di mahkamah dalam masa tujuh hari bermula pada tarikh talak dilafazkan atau tempoh lanjutan yang mahkamah dapati sesuai, dan memberi bimbingan yang diperlukan supaya perceraian itu dapat didaftarkan.

Bagi pasangan yang ingin merujuk kembali, mereka perlu hadir di ROMM dalam tempoh idah isteri setelah cerai didaftarkan untuk mengemukakan permohonan pendaftaran rujuk.

### PENDIRIAN MAHKAMAH

Cik Guy berkata Mahkamah Syariah berpendirian bahawa jika pasangan mahu bercerai, adalah elok jika mere-

ka memfailkan permohonan cerai dan melafazkan talak di mahkamah.

“Apabila suami melafazkan talak di luar mahkamah, kadangkala mereka tidak ingat apa yang mereka ucapkan, bila mereka mengucapkannya, dan berapa kali ucapan tersebut dilafazkan. Kadangkala mereka terlafaz talak tiga sekali gus dan menyesal selepas itu. Kadangkala mereka sendiri yang cuba meyakinkan mahkamah bahawa talak mereka itu tidak sah kerana dilafazkan dalam keadaan marah. Kami tentu pelbagai isu ini apabila mereka datang ke mahkamah setelah melafazkan talak di luar mahkamah. Disebabkan itu, pendirian mahkamah ialah kalau boleh, bagi mengelakkan keraguan, adalah lebih baik sekiranya talak dilafazkan di dalam mahkamah,” kata Cik Guy.

Beliau menambah: “Apa yang kami ingin katakan ialah bukannya suami tidak boleh melafazkan talak di luar mahkamah tetapi jika mereka mahu melakukan demikian, mereka perlu pastikan ia dilakukan dengan betul, di hadapan isteri dan saksi, serta mereka ingat apa yang dilafazkan dan bila ia dilafaz. Masalahnya timbul apabila mereka melafazkannya dalam keadaan marah dan kadangkala berkali-kali dan mereka tidak ingat semua itu.”

“Kami juga ingin menyalurkan, jika pasangan merasakan mereka sedang mengalami masalah rumah tangga, mereka boleh mendapatkan bantuan pakar untuk cuba meleratkan masalah mereka, teroka semua kemungkinan. Jika perceraian adalah jalan penyelesaian, bercerailah secara lisan dan dengan cara yang melindungi anak-anak,” tambahnya.